

INGDOM  
The Blood Eclipse

UNIVERSITI MALAYSIA SABAH  
14 SEPTEMBER 2013



**NORMAN** (dua kiri) dan **Yusry** (tiga kiri) ketika forum *The Art of Vikingdom*.

UB 11.9.0013 B20

# Vikingdom buatan Malaysia untuk pasaran global

KRU Studio dan Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia dengan kerjasama Universiti Malaysia Sabah (UMS) telah menganjurkan sebuah forum bertajuk 'The Art of Vikingdom'.

Forum ini adalah anjuran bersama di antara KRU dan Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia bagi berkongsi pengalaman dan ilmu di sebalik pembikinan filem "buatan Malaysia untuk pasaran global" ini oleh tenaga kerja penerbitan rakyat Malaysia yang menjadi 'the *unsung heroes*' di sebalik lakonan pelakon-pelakon dari Hollywood.

Program terbabit dirasmikan oleh Pengerusi Finas, Datuk Afendi Hamdan, dan turut dihadiri panel penceramah termasuk Yusry Abdul Halim selaku pengarah, Norman Abdul Halim (penerbit eksekutif), Tommy Mansur (production designer) dan Sherwin Nunis (pengarah seni) bagi filem Vikingdom.

Walaupun pelakon-pelakon dalam filem ini adalah daripada luar negara, namun tenaga kerja produksi di sebalik lensa kamera adalah rakyat Malaysia.

"Usaha ini menaikkan lagi semangat anak tempatan bagi menghasilkan lebih banyak filem tempatan di pasaran global dan juga bersempena dengan tayangan yang akan diadakan pada 12 September ini beberapa hari sebelum Hari Malaysia pada 16 September.



**AKSI** Eirick dalam filem *The Art of Vikingdom*.

"Setakat ini, *Vikingdom* merupakan filem yang menelan belanja tertinggi di dalam sejarah industri filem Malaysia iaitu melebihi RM20 juta dan juga akan ditayangkan di US pada 4 Oktober depan oleh penganjur filem iaitu Epic Pictures Releasing.

"Universal Pictures pula akan mengedar fail mini bagi *United Kingdom, the Nordics, Australia, New Zealand* dan beberapa daerah bagi pasaran antarabangsa filem *Vikingdom*," kata Norman pada Forum *The Art of Vikingdom*.

*Vikingdom* adalah sebuah filem fantasi dan aksi mengenai pengembaraan seorang raja yang telah lama dilupakan iaitu Eirick yang diberi tugas untuk menewaskan Thor iaitu "The God of Thunder".

Eirick diiringi oleh teman baiknya iaitu Sven dan Yang, hamba Cina yang berikrar sanggup mati demi Eirick. Pengembaraan mereka bermula dengan pencarian Horn of Odin dan kemudiannya menentang angkatan tentera pemimpin

Thor.

"*Vikingdom* merupakan salah sebuah filem yang berskala besar di mana pro produksi filem ini telah mengambil masa enam bulan untuk dijalankan manakala dua bulan telah diambil bagi penggambaran dan 16 bulan bagi sesi pasca produksi.

"Teknik pembikinan filem *Vikingdom* ada persamaan dengan filem '300' di mana penggambaran dilakukan di dalam studio pentas bunyi dengan penggunaan teknik CGI bagi menghidupkan suasana 'surreal' bagi filem aksi ini," jelas Norman.

Sementara itu, Yusry selaku pengarah berkata beliau mendedikasikan dua tahun khas bagi menghasilkan filem seni visual khas ini dan cabaran terbesar bagi filem mini ialah sewaktu penggambaran babak pertarungan serta bahagian pasca produksi dengan visual khas.

Beliau juga amat berterima kasih kepada para pelakon serta barisan kru produksi yang banyak memberi kerjasama sepanjang peringkat penghasilan filem *Vikingdom*.